

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 24 SEPTEMBER 2013 (SELASA)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Khazanah di San Francisco	Harian Metro
2	Khazanah bertaraf global	Berita Harian
3	Khazanah opens US chapter	The Malay Mail
4	Najib rasmi pejabat Khazanah Nasional	Utusan Malaysia
5	Jangan hanya tahu mengkritik	Utusan Malaysia
6	Khazanah terima anugerah global bagi kepimpinan inovasi berwawasan	Bernamea.com
7	Khazanah Nasional buka pejabat Khazanah Americas Incorporated di San Francisco	Bernamea.com
8	Najib tegur rakyat yang hanya pandai kritik kerajaan	Bernamea.com
9	Ciptaan tempahan bantu atasi	Berita Harian
10	UPSI bekerjasama dengan MIMOS lancar projek profil psikometri	Bernamea.com
11	DNA of five found on panties	The Star

Khazanah di San Francisco

■ Sayap pelaburan kerajaan buka cawangan untuk pacu ekonomi

Khazanah Americas Incorporated (KAI) pejabat wilayah Khazanah Nasional Berhad yang baru dibuka di San Francisco, Amerika Syarikat akan membantu menggerakkan lagi usaha Malaysia untuk merealisasikan statusnya sebagai negara maju menjelang 2020.

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak berkata, visi Malaysia untuk mencapai status negara maju menjelang 2020 boleh direalisasikan dengan menggerakkan rangkaian nilai dan mewujudkan ekonomi dipacu pengetahuan, inovasi dan teknologi.

"Pembukaan pejabat ini membuktikan kerajaan Malaysia menyokong penuh selain serius dalam mewujudkan persekitaran yang kompetitif, berkekalan dan mesra inovasi serta menggalakkan entiti kerajaan dan swasta melabur dalam sektor utama di luar negara.

"Kita berminat melabur dalam bidang bernilai tinggi yang menarik seperti sains



FAKTA

Pejabat Khazanah di Amerika adalah yang ketiga selepas Beijing dan Mumbai

NAJIB meluangkan masa bersama Pengarah Urusan Khazanah Tan Sri Azman Mokhtar selepas merasmikan pembukaan Khazanah Americas Incorporated di San Francisco, semalam.

hayat, teknologi hijau dan inovasi canggih yang dapat membantu usaha mentransformasikan Malaysia. Kita juga berharap dapat mempelajari dari Amerika Syarikat mengenai budaya inovasi, pengambilan risiko dan usahawanan bagi merangsang pertumbuhan ekonomi negara," katanya semasa

merasmikan pejabat Khazanah itu di Aras 45, 101 California Street, San Francisco, pejabat wilayah ketiga cabang pelaburan kerajaan itu selepas Beijing dan Mumbai.

Najib yang juga Pengerusi Khazanah Nasional Berhad berkata, beliau mahu melihat inovasi yang bakal diwujudkan menerusi inisiatif pejabat wilayah itu.

Turut hadir isterinya Datin Seri Rosmah Mansor, Menteri Komunikasi dan Multimedia Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek, Menteri Pelajaran Kedua Datuk Seri Idris Jusoh, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Dr Ewon Ebin, Menteri Besar Johor Datuk Seri Mohamed Khaled Norodin dan Pengarah Pejabat Datuk Bandar bagi Pernia-

gaan dan Perdagangan Antarabangsa San Francisco Mark Chandler.

Pejabat KAI berada di lokasi strategik berhadapan dengan Golden Gate Bridge, jambatan gantung tertinggi dan terpanjang di dunia menghubungkan San Francisco dengan Marin County merentas selat seluas 1,600 meter.

Beliau berkata sejak beberapa tahun lalu, minat perniagaan dan ekonomi Malaysia berkembang di seluruh dunia dan berharap pejabat Khazanah ini dapat mengenal pasti rakan usaha sama berpotensi dan mendapatkan pakar inovasi di Amerika Utara dan Selatan supaya menjalin usaha sama dengan rakan mereka di Malaysia.

"Banyak yang boleh ditawarkan oleh Malaysia kepada pelabur seperti angka pertumbuhan ekonomi yang tinggi iaitu empat hingga lima peratus setahun, Wawasan 2020 berada pada kedudukan baik untuk dijayakan dan kadar inflasi yang rendah sebanyak dua peratus," katanya. - BERNAMA

Khazanah bertaraf global

» Anugerah berprestij iktiraf transformasi ekonomi Malaysia

San Francisco

Khazanah Nasional Berhad, dana pelaburan strategik milik kerajaan menerima Anugerah Global Bagi Kepemimpinan Inovasi Berwawasan daripada Frost & Sullivan, firma perunding perniagaan global atas usaha perintis Khazanah sebagai pemangkin dan penggerak ekonomi di Malaysia.

Anugerah berprestij itu mengiktiraf peranan kepemimpinan Khazanah mentransformasi syarikat berkaitan kerajaan (GLC), mengembangkan jenama Malaysia di peringkat serantau dan global serta pendekatan berwawasan bagi pembangunan ekonomi melalui Iskandar Malaysia.

Anugerah itu disampaikan Pengerusi Frost & Sullivan, David Frigstad kepada Pengarah Urusan Khazanah, Tan Sri Azman Mokhtar yang disaksikan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, pada majlis perasmian pejabat Khazanah Americas Incorporated (KAI) di sini, kelmarin.

Turut hadir, Datin Seri Rosmah Mansor, Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek; Menteri Pendidikan Kedua, Datuk Seri Idris Jusoh; Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Ewon Ebin; Menteri Besar Johor Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, dan pengarah Pejabat Datuk Bandar bagi Perniagaan

Right Honourable Dato' Sri Mohd Najib Tun Hj Abdul Razak,
Prime Minister of Malaysia
22 Se



Azman (kanan) menerima **Anugerah Global Bagi Kepemimpinan Inovasi Berwawasan** daripada Frigstad, disaksi Najib pada majlis perasmian pejabat Khazanah Americas Incorporated di San Francisco, kelmarin. [FOTO BERNAMA]



**NIOR
KAMARUL
SHAHID**

nkamarul@bh.com.my

dan Perdagangan San Francisco, Mark Chandler.

Frigstad berkata, ini adalah kali pertama firma itu menyampaikan anugerah seumpama itu selepas membuat kajian dua tahun sebelum memutuskan memberikan anugerah itu kepada Khazanah.

Prestasi cemerlang

Menurutnya, firma itu membuat perbandingan antara Khazanah dan GLC seumpamanya di seluruh dunia dan mereka kagum dengan amalan terbaik Khazanah dari segi memenuhi keperluan pihak berkepentingan, rakyat dan pelabur.

"Kami berharap anugerah ini akan memberi inspirasi kepada kerajaan lain untuk meletakkan kepentingan rakyat sebagai keutamaan," katanya yang merujuk dasar 'Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan,' yang dilaksanakan kerajaan Malaysia.

Khazanah adalah agensi

untuk memegang dan menguruskan aset komersial kerajaan dan menjalankan pelaburan strategik, terbabit dalam pelbagai sektor seperti tenaga, telekomunikasi, perbankan, penjagaan kesihatan, pengurusan lapangan terbang, infrastruktur, riadah dan pelancongan, pembangunan hartanah, penyiaran, pegangan pelaburan dan teknologi.

Setakat 29 Mei tahun ini, pelaburan luar negara Khazanah mewakili kira-kira sembilan peratus daripada jumlah portfolio pelaburan sebanyak RM135.9 bilion.

Najib dalam rangka kerja di sini sehingga esok sebelum ke New York untuk mengetuai delegasi Malaysia pada sesi ke-68 Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNGA) sehingga hingga 29 September.

Sementara itu, ketika merasmikan KAI, Najib berkata, pejabat itu berfungsi menyediakan kemudahan pelaburan strategik khususnya di bidang sains, teknologi dan ino-

vasi antara Amerika Syarikat dan Malaysia.

Perdana Menteri berkata, pemilihan San Francisco amat sesuai kerana kedudukan yang diiktiraf sebagai hab utama inovasi dan teknologi yang menjadi pusat firma teknologi, universiti terkemuka dan mempunyai ekosistem sangat sesuai kepada kemajuan sains, teknologi dan inovasi.

Hab teknologi

Pejabat di bangunan 101, California Street itu juga akan menjadi jambatan antara Malaysia dan hab teknologi utama, termasuk di Lembah Silikon dan bahagian lain Amerika Syarikat. Ia adalah pejabat ketiga Khazanah di luar negara selepas Beijing, China dan Mumbai.

Najib berkata, operasi pejabat itu juga boleh mempromosikan pelaburan ke Malaysia seperti peluang pelaburan di Iskandar Malaysia, selain memberi kemudahan syarikat berinovasi yang mahu bertapak di rantau ini.

Khazanah opens US chapter

Regional office key towards spurring Malaysia's innovation and technology plans

THE opening of Khazanah Nasional Bhd's regional office for the Americas, Khazanah Americas Incorporated (KAI), in San Francisco on Sunday would help propel Malaysia into developed nation status by 2020.

Prime Minister Datuk Seri Najib Razak said Malaysia's visionary ambitions to reach developed nation status by 2020 could be achieved by moving up the value chain and creating an economy driven by knowledge, innovation and technology.

He said this when officiating at the opening of the office in San Francisco, the third Khazanah's regional office after Beijing and Mumbai.

Present were his wife, Datin Seri Rosmah Mansor, Communication and Multimedia Minister Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek, Second Education Minister Datuk Seri Idris Jusoh, Science, Technology and Innovation Minister Datuk Dr Ewon Ebin, Johor Menteri Besar Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin and San Francisco Mayor's Office of International Trade and Commerce director Mark Chandler.

Complimenting Khazanah for "the great choice of a sparkling office with a nice view", Najib said Khazanah had made the right choice to be in San Francisco as the city is the centre of innovation in the United States — one of the most dynamic re-



UPBEAT: Najib and Azman at Khazanah's new office in San Francisco which the prime minister says will help Malaysia achieve develop nation status by 2020 — BERNAMApic

gions in the world, home to the most admired and innovative businesses and institutions.

Najib, who is also the Khazanah Nasional Berhad chairman, said the opening of the office had shown that the Malaysian government fully supported and underpinned its seriousness on creating a competitive, sustainable and innovation-friendly environment and encouraged private and government entities to invest in key sectors abroad.

The prime minister also said Malaysia was keen to invest in

exciting high-value areas such as life sciences, green technology and cutting-edge innovation that could help Malaysia's transformation efforts.

He said Malaysia hoped to learn from the US its remarkable culture of innovation, risk-taking and entrepreneurship to spur its own economic growth.

He said he was looking forward to see the innovation that would emanate from this regional office initiative.

"With Khazanah Americas, we can further strengthen our pres-

ence and build strong networks with businesses here and I hope we can identify potential partners in America to help propel Malaysia into a developed nation status by 2020," he said.

In his welcoming speech, Khazanah Nasional managing director Tan Sri Azman Mokhtar said the opening of the Khazanah Americas Incorporated office would be a hub for Khazanah into innovation and technology as well as a bridge between the two countries and regions. — Bernama

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 3
TARIKH : 24 SEPTEMBER 2013 (SELASA)

Najib rasmi pejabat Khazanah Nasional

SAN FRANCISCO 23 Sept. - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini merasmikan pejabat Khazanah Nasional Berhad di sini bagi menggalakkan lagi kerjasama pelaburan dan perdagangan antara Malaysia dan Amerika Syarikat (AS) dalam bidang berasaskan pengetahuan, teknologi dan inovasi.

Ini adalah pejabat ketiga Khazanah di luar negara selepas Beijing dan Mumbai. San Francisco dipilih kerana ia adalah bandar paling dinamik di dunia yang menempatkan Lembah Silikon iaitu hab kepada institusi dan perniagaan berasaskan inovasi.

Dalam majlis itu, Perdana Menteri turut menyaksikan penyampaian Anugerah Global untuk Kepimpinan Berwawasan Inovasi daripada firma perunding perniagaan antarabangsa, Frost & Sullivan kepada Khazanah yang diwakili oleh Pengarah Urusannya, Tan Sri Azman Mokhtar.

Anugerah tersebut yang pertama kali diberikan oleh Frost & Sullivan kepada mana-mana entiti adalah hasil kajian menyeluruh firma itu di seluruh dunia yang menurut Pengerusinya, David Fringstad, pendekatan Malaysia perlu dijadikan model kepada dunia moden hari ini.

Yang turut hadir dalam majlis itu ialah isteri Perdana Menteri,

Zulkefli Hamzah

Melaporkan dari
AMERIKA SYARIKAT



Datin Seri Rosmah Mansor, Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Ewon Ebin, Menteri Pendidikan II, Datuk Seri Idris Jusoh dan Menteri Besar Johor, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin.

Najib yang juga Pengerusi Khazanah dalam ucapannya berharap pembukaan pejabat itu dapat membantu menggerakkan lagi usaha Malaysia untuk mencapai negara maju menjelang 2020.

Pembukaan pejabat di Tingkat 45, 101 California Street itu kata beliau, menunjukkan kesungguhan Malaysia selain menyokong penuh dan serius untuk mewujudkan persekitaran kompetitif, berkekalan dan mesra inovasi serta menggalakkan swasta dan kerajaan melabur dalam sektor-sektor utama di luar negara.

Katanya, Malaysia berminat untuk melabur dalam bidang-bidang berimpak tinggi seperti sains hayat dan teknologi hijau yang boleh membantu melonjakkan usaha Malaysia untuk menjadi negara berpendapatan tinggi. - UTUSAN

honourable Dato' Sri Mohd Najib Tun Hj Abdul Razak,
Prime Minister of Malaysia

22 Sept



NAJIB Tun Razak menyaksikan Azman Mokhtar menerima Anugerah Global untuk Kepimpinan Berwawasan Inovasi daripada firma perunding perniagaan antarabangsa, Frost & Sullivan kepada Khazanah Nasional yang disampaikan oleh David Fringstad (kiri) di San Francisco, Amerika Syarikat, semalam. - BERNAMA

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 3
TARIKH : 24 SEPTEMBER 2013 (SELASA)


Perdana Menteri tegur sesetengah kumpulan rakyat Malaysia di luar negara Jangan hanya tahu mengkritik

SAN FRANCISCO 23 Sept. – Datuk Seri Najib Tun Razak menegur sesetengah kumpulan rakyat Malaysia di luar negara, yang hanya tahu mengkritik kerajaan tetapi tidak memberi sebarang sumbangan untuk kemajuan negara.

Perdana Menteri berkata, kumpulan seperti ini, tidak sepatutnya membuat kritikan negatif mengenai negara berdasarkan dakwaan yang dibuat sesetengah pihak atas kepentingan politik mereka.

“Orang seperti ini akan mengkritik negara tetapi tidak mempunyai sebarang idea bagaimana untuk memberi sumbangan kepada negara,” katanya dalam satu majlis makan malam yang dihadiri pelajar dan rakyat Malaysia, di Hotel Grand Hyatt San Francisco di sini semalam.

“Kita tidak kisah akan kritikan itu, tetapi jangan percayakan mereka,” katanya sambil menambah bahawa beliau yakin mereka (rakyat dan pelajar Malaysia) mampu untuk berfikir dan memutuskan sendiri sama ada dakwaan itu be-

 Orang seperti ini akan mengkritik negara tetapi tidak mempunyai sebarang idea bagaimana untuk memberi sumbangan kepada negara

DATUK SERI NAJIB TUN RAZAK
Perdana Menteri

tul atau sebaliknya.

Najib berkata, banyak lagi rakyat Malaysia yang menetap di seberang laut yang aktif dari segi ekonomi, mempunyai strategi yang baik, berdaya saing dan kebiasaannya berjaya dalam hidup.

“Saya telah bertemu dan berbual dengan sesetengah daripada mereka, dan mereka sangat berbangga menjadi rakyat Malaysia,” katanya.

Beliau berkata, Malaysia telah menjadi sangat berjaya dari sebuah ekonomi kecil berasaskan pertanian dan kini begitu pesat membangun sehingga berada di tahap yang ada sekarang.

“Kita telah menetapkan objektif yang berani dan sasaran yang boleh diusahakan dan dicapai dan

ini adalah penting untuk membangunkan negara,” katanya.

Najib berkata, adalah penting bagi masyarakat berbilang kaum, budaya dan agama seperti di Malaysia untuk mengukuhkan perpaduan di antara mereka bagi memacu negara sehingga ke peringkat lebih tinggi.

“Malah dengan purata 5 hingga 7 peratus pertumbuhan ekonomi setahun, kita dapat mencapai objektif Wawasan 2020 (menjadi sebuah negara maju dan berpendapatan tinggi) seawal 2018, atau paling lewat menjelang 2020. Wawasan 2020 kita masih berada di landasan,” kata Najib.

Beliau berkata, rakyat Malaysia menikmati pendapatan perkapita

yang tinggi berbanding rakyat di negara lain, dan menjadi tugas kerajaan untuk memastikan kekayaan negara dikongsi secara saksama di kalangan masyarakat.

“Jika kecil kekayaan negara, kita perlu berkongsi dengan peratusan yang kecil, supaya ia tidak mewujudkan ketidakstabilan politik dan sosial,” katanya.

Beliau memberi jaminan bahawa kerajaan akan memberi keutamaan kepada pendidikan dan akan membelanjakan lebih banyak untuk mendidik rakyat dalam Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains.

“Ia penting untuk disedari bahawa kita perlu mewujudkan persekitaran yang kondusif. Kita perlu bekerja keras dan bertungkus lumus untuk mendapatkan keselamatan dan kestabilan yang kita nikmati di negara sekarang, supaya anda boleh berani untuk bermimpi impian besar.

“Budaya inovasi dan kemahiran keusahawanan akan membawa negara ke barisan hadapan. Kita perlu berusaha untuk mengetengahkan Malaysia di pentas global supaya Malaysia akan sen-

tiasa berada di barisan hadapan sebagai sebuah negara yang aman dan berjaya. Fikirkan bagaimana anda boleh menyumbang untuk Malaysia,” kata Perdana Menteri.

Kira-kira 300 rakyat Malaysia termasuk pelajar yang tinggal di San Francisco dan kawasan sekitar, menghadiri majlis makan malam itu.

Turut hadir isteri Najib, Datin Seri Rosmah Mansor, Menteri Komunikasi dan Multimedia Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek; Menteri Pendidikan Kedua Datuk Seri Idris Jusoh; Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Dr. Ewon Ebin; Menteri Besar Johor, Datuk Seri Mohamed Khaled Noridin dan Konsul Jeneral Malaysia di Los Angeles, Nekmat Ismail.

Najib berada di Amerika Syarikat untuk lawatan kerja mulai 22 hingga 29 September untuk mempengerusikan mesyuarat ketiga Majlis Penasihat Sains dan Inovasi Global (GSIAC) di San Francisco dan menghadiri sesi ke-68 Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNGA) di New York. - BERNAMA



Khazanah Terima Anugerah Global Bagi Kepimpinan Inovasi Berwawasan



Daripada Khairdzir Md Yunus

SAN FRANCISCO, 23 Sept (Bernama) -- Khazanah Nasional Berhad, dana pelaburan strategik kerajaan Malaysia, menerima anugerah global bagi kepimpinan inovasi berwawasan daripada Frost & Sullivan, firma perunding perniagaan global, atas usaha perintis yang dilakukan Khazanah sebagai pemangkin dan penggerak ekonomi di Malaysia.

Anugerah berprestij itu mengiktiraf peranan kepimpinan Khazanah mentransformasikan Syarikat-syarikat Berkaitan Kerajaan (GLCs), mengembangkan jenama Malaysia di peringkat serantau dan global, dan pendekatan berwawasan bagi pembangunan ekonomi melalui Iskandar Malaysia.

Anugerah itu disampaikan Pengerusi Frost & Sullivan David Frigstad kepada pengarah urusan Khazanah, Tan Sri Azman Mokhtar dan disaksikan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak, pada majlis perasmian pejabat Khazanah Americas Incorporated di San Francisco pada Ahad.

Turut hadir isteri Najib, Datin Seri Rosmah Mansor; Menteri Komunikasi dan Multimedia Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek; Menteri Pendidikan Kedua Datuk Seri Idris Jusoh; **Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Dr Ewon Ebin**; Menteri Besar Johor Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, dan pengarah Pejabat Datuk Bandar bagi Perniagaan dan Perdagangan San Francisco Mark Chandler.

Bercakap kepada pemberita kemudian, Frigstad berkata ini merupakan kali pertama firma itu menyampaikan anugerah seumpama itu.

Firma yang berpangkalan di Mountain View, California, telah membuat kajian dua tahun sebelum memutuskan memberikan anugerah itu kepada Khazanah, katanya.

Beliau berkata firma itu telah membuat perbandingan di antara Khazanah dan GLC yang sama di seluruh dunia dan mereka begitu kagum dengan amalan terbaik Khazanah dari segi memenuhi keperluan pihak-pihak berkepentingan, rakyat dan pelabur.

"Kami berharap anugerah ini akan memberi inspirasi kepada kerajaan-kerajaan lain untuk meletakkan kepentingan rakyat sebagai keutamaan," katanya sebagai rujukan jelas kepada dasar "Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan" yang dilaksanakan kerajaan Malaysia.

Frigstad juga yakin Khazanah akan melahirkan lebih banyak idea besar berdasarkan apa yang akan dipelajari mereka daripada syarikat-syarikat berinovasi di dalam Silicon Valley di sini.

Khazanah, yang diamanahkan untuk memegang dan menguruskan aset komersial kerajaan dan menjalankan pelaburan strategik, terbabit dalam pelbagai sektor seperti tenaga, telekomunikasi, perbankan, penjagaan kesihatan, pengurusan lapangan terbang, infrastruktur, riadah dan pelancongan, pembangunan hartanah, penyiaran, pegangan pelaburan dan teknologi.

Setakat 29 Mei tahun ini, pelaburan seberang laut Khazanah mewakili kira-kira sembilan peratus daripada jumlah portfolio pelaburan sebanyak RM135.9 bilion.

Secara jelas, peratusan itu lebih besar dan mewakili kira-kira 35 peratus portfolio pelaburan Khazanah.

Najib yang berada di San Francisco dan New York untuk lawatan kerja mulai 22 hingga 29 Sept, akan mempengerusikan mesyuarat ketiga Majlis Penasihat Sains dan Inovasi Global (GSIAC) di sini pada 23 Sept.

Beliau juga akan mempengerusikan mesyuarat Panel Penasihat BIO-Antarabangsa (BIO-IAP) ke-7 dan melawat Silicon Valley, yang termasuk mengunjungi ibu pejabat Twitter dan Google.

-- BERNAMA



Khazanah Nasional Buka Pejabat Khazanah Americas Incorporated Di San Francisco



Daripada Khairdzir Md Yunus

SAN FRANCISCO, 23 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Najib Tun Razak merasmikan pejabat wilayah Khazanah Nasional Berhad bagi negara-negara Amerika Utara dan Selatan, Khazanah Americas Incorporated (KAI), di San Francisco pada Ahad.

Beliau berharap pembukaan pejabat ini akan membantu menggerakkan lagi usaha Malaysia untuk merealisasikan statusnya sebagai negara maju menjelang 2020.

Perdana Menteri berkata visi Malaysia untuk mencapai status negara maju menjelang 2020 boleh direalisasikan dengan menggerakkan rangkaian nilai dan mewujudkan ekonomi dipacu pengetahuan, inovasi dan teknologi.

Najib berkata demikian semasa merasmikan pejabat Khazanah itu di Aras 45, 101 California Street, San Francisco, pejabat wilayah ketiga cabang pelaburan kerajaan itu, selepas Beijing dan Mumbai.

Turut hadir isterinya Datin Seri Rosmah Mansor, Menteri Komunikasi dan Multimedia Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek, Menteri Pelajaran Kedua Datuk Seri Idris Jusoh, **Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Dr Ewon Ebin**, Menteri Besar Johor Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin dan Pengarah Pejabat Datuk Bandar bagi Perniagaan dan Perdagangan Antarabangsa San Francisco Mark Chandler.

Pemandangan indah Golden Gate Bridge, jambatan gantung tertinggi dan terpanjang di dunia yang siap pada 1937 bagi menghubungkan San Francisco dan Marin County merentas selat seluas 1,600 meter yang dikenali Golden Gate, yang menghubungkan Teluk San Francisco dengan Lautan Pasifik, dapat disaksikan dari Pejabat Khazanah Americas Incorporated itu.

Sambil memuji Khazanah yang 'membuat pilihan hebat dengan pemandangan indah itu', Najib berkata Khazanah telah membuat pilihan tepat untuk membuka pejabat di San Francisco memandangkan kota raya itu merupakan pusat inovasi di Amerika Syarikat -- wilayah yang paling dinamik di dunia, pusat perniagaan dan institusi inovatif yang dikagumi.

Najib yang juga Pengerusi Khazanah Nasional Berhad berkata pembukaan pejabat itu membuktikan kerajaan Malaysia menyokong penuh, selain serius dalam mewujudkan persekitaran yang kompetitif, berkekalan dan mesra inovasi serta menggalakkan entiti kerajaan dan swasta melabur dalam sektor utama di luar negara.

Perdana Menteri juga berkata Malaysia berminat melabur dalam bidang bernilai tinggi yang menarik seperti sains hayat, teknologi hijau dan inovasi canggih yang dapat membantu usaha mentransformasikan Malaysia.

Najib berkata Malaysia berharap dapat mempelajari dari Amerika Syarikat mengenai budaya inovasi, pengambilan risiko dan keusahawanan bagi merangsang pertumbuhan ekonomi Malaysia sendiri.

Perdana Menteri berkata beliau mahu melihat inovasi yang bakal diwujudkan menerusi inisiatif pejabat wilayah ini.

Beliau berkata sejak beberapa tahun lepas, minat perniagaan dan ekonomi Malaysia berkembang di seluruh dunia dan berharap pejabat Khazanah ini dapat mengenal pasti rakan usaha sama berpotensi dan mendapatkan pakar inovasi di Amerika Utara dan Selatan supaya menjalin usaha sama dengan rakan mereka di Malaysia.

Najib juga berkata Iskandar Malaysia di Johor sudah membuka pusat inovasi bernilai tinggi dan Pinewood Studiosnya, studio penerbitan media bersepadu, yang disasarkan siap dan dibuka tahun depan.

Beliau berkata banyak yang boleh ditawarkan oleh Malaysia kepada pelabur seperti angka pertumbuhan ekonomi yang tinggi iaitu 4 hingga 5 peratus setahun, Wawasan 2020 yang berada pada kedudukan yang baik untuk dijayakan selain kadar inflasi yang rendah sebanyak 2 peratus, yang baik jika mengambil kira faktor-faktor luar semasa yang menjejaskan ekonomi dunia.

"Menerusi Khazanah Americas, kami dapat mengukuhkan lagi kehadiran serta mengukuhkan rangkaian dengan perniagaan di sini dan berharap dapat mengenal pasti rakan usaha sama berpotensi di Amerika bagi membantu merencanakan Malaysia merealisasikan status negara maju menjelang 2020," katanya.

Dalam ucapan aluannya, Pengarah Urusan Khazanah Nasional Berhad Tan Sri Azman Mokhtar berkata pembukaan pejabat Khazanah Americas Incorporated akan menjadi hab untuk Khazanah melibatkan diri dalam inovasi dan teknologi selain merapatkan hubungan antara kedua-dua negara dan wilayah.

Najib yang tiba di San Francisco bersama isteri pada awal Ahad, kini dalam rangka kerja di sini sehingga 24 Sept, sebelum lawatannya ke New York untuk mengetuai delegasi Malaysia pada sesi ke-68 Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNGA) dari 25 hingga 29 Sept.

Beliau dijadual menyampaikan ucapan pada Mesyuarat Peringkat Tinggi UNGA mengenai Pelucutan Senjata Nuklear pada 26 Sept, serta Perbahasan Umum pada 28 Sept.



Najib Tegur Rakyat Yang Hanya Pandai Kritik Kerajaan

Daripada Khairdzir Md Yunus

SAN FRANCISCO, 23 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Najib Tun Razak menegur sesetengah kumpulan rakyat Malaysia di luar negara, yang hanya tahu mengkritik kerajaan tetapi tidak memberi sebarang sumbangan untuk kemajuan negara.

Perdana menteri berkata kumpulan seperti ini, tidak sepatutnya membuat kritikan negatif mengenai negara berdasarkan dakwaan yang dibuat sesetengah pihak atas kepentingan politik mereka.

"Orang seperti ini akan mengkritik negara tetapi tidak mempunyai sebarang idea bagaimana untuk memberi sumbangan kepada negara," katanya dalam satu majlis makan malam yang dihadiri pelajar dan rakyat Malaysia, di hotel Grand Hyatt San Francisco di sini Ahad malam.

"Kita tidak kisah akan kritikan itu, tetapi jangan percayakan mereka," katanya sambil menambah bahawa beliau yakin mereka (rakyat dan pelajar Malaysia) mampu berfikir dan memutuskan sendiri sama ada dakwaan itu betul atau sebaliknya.

Najib berkata banyak lagi rakyat Malaysia yang menetap di seberang laut yang aktif dari segi ekonomi, mempunyai strategi yang baik, berdaya saing dan kebiasaannya berjaya dalam hidup.

"Saya telah bertemu dan berbual dengan sesetengah daripada mereka, dan mereka sangat berbangga menjadi rakyat Malaysia," katanya.

Beliau berkata Malaysia telah menjadi sangat berjaya dari sebuah ekonomi kecil berasaskan pertanian dan kini begitu pesat membangun sehingga berada di tahap yang ada sekarang.

"Kita telah menetapkan objektif yang berani dan sasaran yang boleh diusahakan dan dicapai dan ini adalah penting untuk membangunkan negara," katanya.

Najib berkata adalah penting bagi masyarakat berbilang kaum, budaya dan agama seperti di Malaysia untuk mengukuhkan perpaduan di antara mereka bagi memacu negara sehingga ke peringkat lebih tinggi.

"Malah dengan purata 5 hingga 7 peratus pertumbuhan ekonomi setahun, kita dapat mencapai objektif Wawasan 2020 (menjadi sebuah negara maju dan berpendapatan tinggi) seawal 2018, atau paling lewat menjelang 2020. Wawasan 2020 kita masih berada di landasan," kata Najib.

Beliau berkata rakyat Malaysia menikmati pendapatan perkapita yang tinggi berbanding rakyat di negara lain, dan menjadi tugas kerajaan untuk memastikan kekayaan negara dikongsi secara saksama di kalangan masyarakat.

"Jika kecil kekayaan negara, kita perlu berkongsi dengan peratusan yang kecil, supaya ia tidak mewujudkan ketidakstabilan politik dan sosial," katanya.

Beliau memberi jaminan bahawa kerajaan akan memberi keutamaan kepada pendidikan dan akan membelanjakan lebih banyak untuk mendidik rakyat dalam bahasa Inggeris, Matematik dan Sains.

"Tanya penting untuk disedari bahawa kita perlu mewujudkan persekitaran yang kondusif. Kita perlu bekerja keras dan bertungkus lumus untuk mendapatkan keselamatan dan kestabilan yang kita nikmati di negara sekarang, supaya anda boleh berani untuk bermimpi impian besar," kata Najib.

Beliau meminta mereka untuk menunjukkan semangat 1Malaysia bagi menunjukkan bahawa "kita semua adalah bersama-sama" dan bukan untuk mengkritik konsep itu tetapi menyumbang kepada perpaduan dengan cara yang proaktif.

Perdana menteri berkata beliau tidak percaya bahawa rakyat Malaysia yang bekerja, belajar atau menetap di luar negara kurang semangat patriotik berbanding mereka yang tinggal di dalam negara.

"Kita berdepan cabaran semasa bekerja untuk sebuah syarikat seberang laut tetapi semasa bekerja, kita masih boleh membantu Malaysia, (dengan) mempelawa syarikat di tempat anda bekerja supaya mengadakan usaha sama dengan syarikat-syarikat Malaysia yang lain dan menghasilkan inovasi.

Najib berkata Malaysia adalah sebuah negara yang berjaya dan terkenal dengan cara yang positif di kalangan orang lain yang mempunyai pendapat yang baik mengenai negara tetapi masih ada orang yang menyebarkan dakwaan dan penipuan mengenai Malaysia.

"Saya dituduh memanipulasi undi dengan membawa masuk 40,000 pengundi dari Bangladesh dalam PRU-13 (pilihan raya umum ke-13)...ia sama sekali tidak benar...mereka tidak dapat membuktikan dakwaan mereka, walaupun satu bukti."

Najib berkata PRU13 dikendalikan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dengan cara yang jujur dan adil.

Beliau menasihati para pelajar dan rakyat Malaysia yang tinggal di luar negara supaya berfikir secara kritikal dan inovatif agar mereka tampil dengan idea bagi membantu membangunkan Malaysia.

"Budaya inovasi dan kemahiran keusahawanan akan membawa negara ke barisan hadapan. Kita perlu berusaha untuk menegenahkan Malaysia di pentas global supaya Malaysia akan sentiasa berada di barisan hadapan sebagai sebuah negara yang aman dan berjaya. Fikirkan bagaimana anda boleh menyumbang untuk Malaysia," kata Perdana Menteri.

Kira-kira 300 rakyat Malaysia termasuk pelajar yang tinggal di San Francisco dan kawasan sekitar, menghadiri majlis makan malam itu.

Turut hadir isteri Najib, Datin Seri Rosmah Mansor, Menteri Komunikasi dan Multimedia Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek; Menteri Pendidikan Kedua Datuk Seri Idris Jusoh; **Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Dr Ewon Ebin**; Menteri Besar Johor Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin dan Konsul Jeneral Malaysia di Los Angeles, Nekmat Ismail.

Najib berada di Amerika Syarikat untuk lawatan kerja mulai 22 hingga 29 Sept untuk mempengerusikan mesyuarat ketiga Majlis Penasihat Sains dan Inovasi Global (GSIAC) di San Francisco, dan menghadiri sesi ke-68 Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNGA) di New York.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (NASIONAL): MUKA SURAT 14
TARIKH: 24 SEPTEMBER 2013 (SELASA)



Hisham (kanan) bersama Fauzi menunjukkan sabit inovasi ciptaan mereka.



3,870
tandan
sawit sebulan boleh
dihasilkan menggunakan
sabit inovasi

4.7 juta
hektar ladang sawit
di seluruh negara

3,000
unit
sabit inovasi ditem-
pah peladang dan
Perak, Johor, Sabah
dan Sarawak

Sabit
inovasi

Ciptaan tempatan bantu atasi masalah peladang

» Tiga individu cipta sabit baru, cecair usir babi hutan

Oleh Norizzah Baharudin
bhnews@bh.com.my

Alor Gajah

Minat menyelesaikan masalah dihadapi masyarakat petani dan pekebun, mendorong tiga individu di daerah ini tampil dengan inovasi masing-masing.

Harapan mereka adalah untuk melihat ciptaan masing-masing membantu meningkatkan taraf hidup pengguna sambil menyelesaikan isu berbangkit yang turut dihadapi di kebanyakan tempat negara ini.

Kreativiti jurutera yang juga kontraktor, Hisham Pajar, 47, dan rakan sebaya, Fauzi Hasan, dari Kuala Sungai Baru di sini, yang menghasilkan sabit inovasi, nyata membantu pekerja ladang untuk meraih pendapatan lebih baik.

Berdasarkan ujian, sabit baru ciptaan mereka ini mampu membantu menghasilkan tuaian sehingga 3,870 tandan sawit sebulan, berbanding 2,246 tandan jika

menggunakan sabit konvensional sedia ada.

Tahap ketahanan sabit inovasi juga didakwa lebih baik selain menjimatkan banyak masa. Peralatan itu dilengkapi beg khas bersama spanar serta kunci untuk pelarasan, membolehkan ia dibawa dengan mudah dan selamat.

Ketika ditemui, Hisham berkata, idea mencipta sabit inovasi itu tercetus selepas memikirkan permasalahan dihadapi pekerja ladang menuai hasil serta membersihkan pelepah sawit hingga mengambil masa lama.

Katanya, sabit itu juga bukan saja memudahkan pekerja, malah membawa keuntungan apabila percubaan awal mendapati nilai yang mampu dihasilkan pekerja meningkat 72 peratus sebulan berbanding sebelum ini.

Peralatan lebih produktif

"Idea tercetus daripada keinginan kami kepada peralatan yang lebih produktif dan ekonomik, selain tidak terlalu mengorah tenaga pekerja setiap kali memotong buah dan pelepah sawit.

"Sabit konvensional membuatkan pekerja cepat keletihan. Namun, sabit inovasi kami hanya memerlukan pekerja memotong secara menolak dan menarik setiap kali melakukan potongan," katanya.

Hisham berkata, ciptaan itu juga

menitikberatkan masalah tenaga kerja yang semakin berkurangan dihadapi industri perladangan sawit yang mencapai keluasan 4.7 juta hektar dan memerlukan kira-kira 400,000 pekerja di seluruh negara.

Beliau berkata, inovasi yang dibangunkannya bersama Fauzi sejak 2010 itu, melalui kajian mendalam bagi memastikan ia tidak membawa risiko kepada pengguna.

"Walaupun baru diperkenalkan dalam pasaran, setakat ini kami menerima tempahan lebih 3,000 unit dari Perak, Johor, Sabah dan Sarawak," katanya.

Sementara itu, Khairulazman Mohamad, 34, dari Bukit Bulat di sini, tampil menghasilkan sejenis cecair yang berupaya menjadi


«
Idea mencipta sabit inovasi itu tercetus selepas memikirkan permasalahan dihadapi pekerja ladang menuai hasil serta membersihkan pelepah sawit hingga mengambil masa lama»

Hisham Pajar,
Jurutera

**SAMBUNGAN...
KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (NASIONAL): MUKA SURAT 15
TARIKH: 24 SEPTEMBER 2013 (SELASA)**



Seorang pekerja ladang sawit menunjukkan cara penggunaan sabit inovasi ketika memotong pelepah dan menuai buah sawit.



Cecair campuran pelbagai bahan dihasilkan **tidak memberi kesan** kepada kesihatan manusia.

'benteng' dalam menghalau babi hutan yang menceroboh kebun atau berkeliaran sekitar kampung.

Ciptaan yang dinamakan Pelangi itu, tidak menyebabkan kematian haiwan, sebaliknya menyebabkan binatang liar tidak mendekati kawasan yang diletakkan bahan berkenaan.

Tak diklasifikasikan racun

Pelangi dihasilkan menggunakan campuran sulfur, kapur barus dan ammonia, selain air sebagai asas, terbukti berjaya menepati matlamat selepas beberapa ujian.

Khairulazman berkata, idea menghasilkan cecair itu timbul selepas kerap terbaca pendedahan media mengenai

masalah petani kerosakan tanaman akibat serangan babi hutan.

Anak kelahiran Pekan, Pahang itu, berkata beliau memilih produk berasaskan cecair yang tidak diklasifikasikan sebagai racun kerana tidak mahu memberi kesan buruk kepada kesihatan pengguna, selain menimbulkan rasa kurang selesa ketika digunakan.

"Semua bahan diadun dalam mesin khas sehingga menghasilkan cecair kuning. Untuk digunakan sebagai benteng, ini hanya perlu diletakkan pada kiub sebelum digantung pada pagar kebun atau rumah, yang menjadi sasaran pencerobahan haiwan itu," katanya.



Khairulazman menunjukkan hasil cecair penghalau babi yang dimasukkan ke dalam botol satu liter untuk dipasarkan.

InoMa bantu ketengah ciptaan kreatif

Persatuan Gerak Inovasi Malaysia (InoMa) adalah badan yang membantu menentengahkan hasil ciptaan dan karya kreatif rakyat negara ini untuk dikomersialkan sehingga peringkat antarabangsa.

Setiausaha InoMa, Syed Aliwi AlQudri, berkata penubuhan persatuan itu sejak 2011 adalah selari hasrat kerajaan membina mercu tanda bangsa berinovasi yang memerlukan pengisian signifikan dan mampu bersaing.

Katanya, kerajaan sebelum ini melancarkan Malaysia Inovasi bagi membudayakan inovasi dan kreativiti, sekali gus mempengaruhi masyarakat melaksanakan program itu secara menyeluruh.

"Ia menterjemahkan pelaksanaannya ke dalam keseluruhan aspek kehidupan rakyat tanpa mengira batas fizikal dan kemanusiaan yang mempunyai impak ke atas sosio ekonomi negara," katanya ketika ditemui dalam program Konvoi InoMa di Kuala Sungai Baru dan Bukit Bulat, dekat sini.

Kerjasama dengan MOSTI, AIM

Syed Aliwi berkata, InoMa sentiasa mengenal pasti individu atau kumpulan tempatan yang mencipta peralatan atau perusahaan kreatif dan berdaya saing

untuk dipamerkan, biarpun ada antaranya sudah memasuki pasaran luar.

Katanya, persatuan itu juga bekerjasama dengan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan Agensi Inovasi Malaysia (AIM) serta beberapa agensi lain untuk membudayakan dan menjayakan matlamat inovasi secara menyeluruh.

"Di Melaka, InoMa bekerjasama dengan Bahagian Penyelidikan, Pembangunan Kreativiti, Inovasi dan Pengkomersilan, Jabatan Ketua Menteri (R&DCIC) bagi menjayakan dan mencorakkan aktiviti inovasi di negeri ini," katanya.

Syed Aliwi berkata, sebagai pertubuhan dinamik, InoMa melonjakkan budaya inovasi menerusi pelaksanaan perkongsian bijak dan pengkomersilan strategik serta menentengahkan hasil penciptaan kreatif yang meningkatkan ekonomi negara.

Jana pendapatan

Katanya, pelbagai hasil inovasi yang dikenal pasti bukan saja dalam kalangan dewasa, tetapi juga kumpulan belia dan pelajar sekolah serta penuntut di institut pengajian tinggi yang mana pelbagai peralatan yang direka cipta untuk kemudahan.

"Hasil ciptaan berkenaan bukan saja berupaya membawa kepada penajanaan idea yang lebih luas tetapi pendapatan sekiranya kita bijak menghasilkan sesuatu secara kreatif dan menceburi bidang keusahawanan," katanya.

INFO

- © Ciptaan dinamakan Pelangi tidak menyebabkan kematian haiwan, sebaliknya menyebabkan binatang liar tidak mendekati kawasan yang diletakkan bahan berkenaan.
- © Cecair berupaya menjadi 'benteng' menghalau babi hutan yang memusnahkan tanaman.
- © Pelangi dihasilkan menggunakan campuran sulfur, kapur barus dan ammonia, selain air sebagai bahan asas.
- © Produk dijual pada harga RM45 seliter.
- © Cecair Pelangi hanya perlu diletakkan pada kiub sebelum digantung pada pagar kebun atau rumah.



"InoMa sentiasa mengenal pasti individu atau kumpulan tempatan yang ingin mencipta peralatan atau perusahaan kreatif dan berdaya saing untuk dipamerkan, biarpun ada antaranya sudah memasuki pasaran luar"

Syed Aliwi AlQudri, Setiausaha InoMa



UPSI Bekerjasama Dengan Mimos Lancar Projek Profil Psikometri

KUALA LUMPUR, 23 Sept (Bernama) -- Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) melancarkan UPSI Psikometri, projek dibangunkan secara kerjasama dengan **Mimos Bhd**, yang akan digunakan oleh kakitangan akademik dan pelajar.

"Kerjasama strategik ini antara UPSI dan Mimos berjaya menggabungkan kedua-dua kepakaran dan teknologi institusi masing-masing untuk membangunkan bersama empat instrumen yang boleh digunakan bagi memaksimumkan potensi manusia ke arah kecemerlangan pendidikan," kata Mimos dalam satu kenyataan pada Isnin.

Pusat penyelidikan dan pembangunan negara dalam teknologi komunikasi dan maklumat itu berkata Kluster Psikometri adalah suatu yang penting dan ia sedang memperkenalkan dan mempraktikkannya di Malaysia.

Menurut Mimos, ia mempunyai kepakaran dalam asas dan aplikasi teori dan teknik psikometri bagi pendidikan serta ujian psikologi di Malaysia.


"Profil Psikometri ini akan meningkatkan usaha mengambil keputusan dalam pemilihan pelajar dengan mengukur secara bersistematik keupayaan mereka serta menilai penguasaan kakitangan universiti.

"Sudah sampai masanya bagi Malaysia mengguna pakai pendekatan teratur dan objektif seperti ini yang akan memberi manfaat bukan sahaja kepada universiti tetapi masyarakat bagi tempoh jangka panjang," kata **Ketua Kluster Psikometri Mimos, Dr Haniza Yon**.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
THE STAR (NATION) : MUKA SURAT 15
TARIKH: 24 SEPTEMBER 2013 (SELASA)

DNA of five found on panties



Locked in: Kons Remy (left) looking out of the holding cell as (right pic) Kpl Nik (right) and Kons Syahiran exit the cell at the Butterworth Sessions Court in Penang. — MUSTAFA AHMAD / The Star

Chemistry dept tells court semen came from three officers

By SIMREN KAUR
simren@thestar.com.my

BUTTERWORTH: The Sessions Court here heard that five different sets of semen stains were found on the panties of an Indonesian woman who claimed to have been raped by three policemen.

Padillah Yahya, 39, a chemist with the state Chemistry Department told

the court that the semen stains were those of Kons Syahiran Romli, 22, Kpl Nik Sin Mat Lazin, 33 and Kons Remy Anak Dara, 26, and two other unidentified males.

"We also found DNA samples of Syahiran, a third and fourth unidentified male and an unidentified female on a bedsheet taken from the police barracks in the Prai police station," she said.

She added that a DNA sample of the third male was also found on a towel taken from the same barracks.

Padillah told Sessions judge Meor Sulaiman Ahmad Tarmizi that the samples were among the 19 items that were passed to her to be tested on Nov 14 last year.

The items included a blouse belonging to the 26-year-old victim,

semen, blood samples and hair.

The three policemen are alleged to have raped the woman in Room of the Prai police station barracks between 6.40am and 7.30am on Nov 9 last year.

They were charged under Section 376 of the Penal Code, which carries a jail term of up to 20 years and whipping.

Hearing continues on Nov 28.